Buat keputusan bijak jika mahu maju

Daripada G. MANIMARAN

UM-17/08/03

EZULWINI (Swaziland) 16 Qgos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyarankan negara-negara membangun mengambil pendekatan berani dengan menilai semula amalan tradisi dan budaya masing-masing dari semasa ke semasa supaya elemen-elemen kurang praktikal, yang diwarisi turun-temurun, tidak menjadi penghalang kemajuan.

Perdana Menteri berkata. negara-negara peserta Gerakan Perkongsian Bestari wajar mcmbuat keputusan bijak bcrhubung warisan tradisi dan budaya jika mahu maju kerana terdapat amalan yang tidak sesuai berdasarkan perkembangan dunia semasa.

Dr. Mahathir mengakui bahawa setiap bangsa mahu tradisi dan budaya yang diwarisi dipertahan dan dikekalkan kerana ia merupakan identiti masing-masing tetapi dalam kcadaan tertentu, ia perlu dinilai semula.

"Dalam satu lagi sudut, kita harus mengakui bahawa terdapat juga aspek yang diwmalkan pada masa lalu. yang diwariskan tidak akan rnembantu kita... sebaliknya menjadi penghalang kepada kemajuan.

"Kita harus menilai tradisi dan budaya bagi membolchkan kita mengetahui sama ada kita harus meneruskannya ataupun tidak. Keutamaan kita adalah untuk maju," katanya pada sesi dialog antara ketua-ketua kerajaan dan negara dengan Kelab 29 sempena Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (Global-SAID 2003) disini semalam.



Dialog Antarabangsa Selatan Afrika

Kelab 29 yang berusia dua tahun, ditubuhkan sebagai sayap muda Gerakan Perkongsian Bestari dan terdiri daripada kira-kira 100 anggota dari pelbagai negara bagi menyemai dan mengembangkan idea perkongsian bestari di kalangan generasi muda.

Dalam sesi interaksi selama sejam itu, pelbagai soalan dikemukakan oleh Kelab 29 kepada ketua-ketua kerajaan dan negara yang menghadiri Global-SAID 2003.

Dr. Mahathir yang menjawab soalan berkaitan dengan keseimbangan antara proses mempertahankan budaya dan pembaharuan menambah, sesebuah negara tidak boleh mengetepikan pembangunan semata-mata kerana tradisi dan budaya mereka tidak membenarkan pelaksanaan sesuatu tindakan untuk kemajuan.

Situasi sedemikian jika berlaku akan merugikan masyarakat negara berkenan dalam jangka panjang, kata beliau dengan memberikan beberapa contoh.

"Dalam tradisi, sebagai contoh, di kebanyakan masyarakat Asia termasuk di Malaysia, isteri mesti menyerahkan diri dia kepada suaminya meskipun suaminya itu menghidapi HIV/AIDS. Tindakan ini sudah pasti akan mendedahkan isteri itu kepada masalah HIV/AIDS, begitulah juga anak-anak mereka mendapat penyakit itu.

"Pada tahap itu, adakah anda akan kekal dengan amalan budaya dan tradisi? Kita melupakan mengenai budaya, kita melupakan mengenai tradisi, kita kena mengatakan ini silap, perlu mengubah kehidupan dan memiliki penilaian dan pendekatan baru dari segi budaya," katanya.

Dr. Mahathir yang merupakan penggerak konsep dan dialog perkongsian bestari di peringkat antarabangsa menjelaskan, terdapat banyak amalan budaya dan tradisi lama yang perlu diketepikan dan menerima amalan baru yang bakal menjadi tradisi dan budaya.

"Untuk membuat pertimbangan, kita perlu belajar membuat penilaian apa yang anda telah mewariskan dan memutuskan juga sama ada ia baik untuk anda atau tidak.

"Anda sendiri memutuskan sama ada ia baik untuk anda atau tidak. Kemudian melukiskan satu garisan (pemilihan).

"Akan ada mereka yang mendapati keputusan yang anda buat menjadi penghalang kepada mereka dan mereka perlu mengetepikannya, kemudian memulakan amalan baru yang boleh menjadi tradisi dan budaya dalam jangka panjang," katanya.

Dengan merujuk kepada gaya rambut afro dari Amerika Syarikat, Dr. Mahathir menambah: "Apa yang saya tidak dapat menerima ialah sikap meneri-